



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK BAHAROM BIN HAJI AHMAD

MANTAN KETUA KAMPUNG BUKIT TUNGGAL

MENGENAI SEJARAH KAMPUNG BUKIT TUNGGAL

NAMA PELAJAR: ERNI AMIRAH BINTI YAHAYA

(2022930651)

NAMA PELAJAR: NURUL HIDAYATUL AINI BINTI KHAIRUL ANUAR

(2022919645)

SEMESTER MARCH-JULY 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK BAHAROM BIN HAJI AHMAD

MANTAN KETUA KAMPUNG BUKIT TUNGGAL

MENGENAI SEJARAH KAMPUNG BUKIT TUNGGAL

NAMA PELAJAR: ERNI AMIRAH BINTI YAHAYA

(2022930651)

NAMA PELAJAR: NURUL HIDAYATUL AINI BINTI KHAIRUL ANUAR

(2022919645)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MARCH-JULY 2023

ISI KANDUNGAN

NO	ISI KANDUNGAN	M/S
1.0	ABSTRAK	1-2
2.0	PENGHARGAAN	3-4
3.0	SENARAI ABREVIASI	5-6
4.0	SENARAI SINGKATAN	7-8
5.0	RUJUKAN KATA	9-11
6.0	BIODATA PENEMUBUAL 5.1 PENEMUBUAL PERTAMA 5.2 PENEMUBUAL KEDUA	12-14
7.0	BIODATA TOKOH 6.1 BIODATA TOKOH 6.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH	15-16
8.0	PENGENALAN	17-18
9.0	KAJIAN LITERATUR	19-20
10.0	TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	21-55
11.0	LOG TEMUBUAL	56-59
12.0	RALAT	60-61
13.0	INDEKS	62-64
14.0	RUJUKAN	65-66
15.0	LAMPIRAN 14.1 BIOGRAFI TOKOH 14.2 SURAT PERJANJIAN 14.3 SENARAI SOALAN 14.4 DIARI PENYELIDIKAN 14.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN	67-80



1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengetengahkan berkaitan kisah sejarah di Kampung Bukit Tunggul, Segamat, Johor. Cerita ini adalah daripada perspektif Tok Baharom Bin Haji Ahmad. Beliau merupakan bekas ketua kampung di Kampung Bukit Tunggul yang telah memberikan pelbagai sumbangan besar sebagai tonggak di kampung tersebut sehingga ke hari ini walaupun telah bersara daripada menjadi ketua kampung. Dapat dilihat bahawa masih terdapat ramai golongan masyarakat yang sudah tidak lagi mengendahkan berkaitan sejarah-sejarah lama walaupun perihal tempat yang didiami. Justeru itu, transkrip ini merungkai beberapa kisah yang telah dibualkan oleh masyarakat setempat berkaitan sejarah pembentukan Kampung Bukit Tunggul atau turut pernah dinamakan sebagai Bukit Satu dari zaman ke zaman. Selain itu, kajian ini turut membawa kepada penceritaan sejarah Tok Empang telah membuka Kampung Jementah yang begitu berkait rapat dengan Kampung Bukit Tunggul. Pencapaian dan cabaran yang dihadapi semasa pembukaan awal Kampung Bukit Tunggul juga dibahaskan oleh pengkisah, Tok Baharom Bin Haji Ahmad. Kajian ini juga amat penting dalam menghuraikan dan mengkaji kepentingan serta keistimewaan Kampung Bukit Tunggul. Melalui kajian sejarah lisan di Kampung Bukit Tunggul ini diharapkan agar dapat membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai sejarah lalu serta mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah yang telah berlaku.

KATA KUNCI

Kampung Bukit Tunggul, Bukit Satu, Tok Empang, Kampung Jementah, Tok Baharom



2.0 PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya dapat kami menyelesaikan tugas bagi subjek IMR604 iaitu *Oral Documentation* bagi semester Mac 2022 sehingga Julai 2023. Tajuk bagi tugas kami adalah mengenai sejarah Kampung Bukit Tunggal. Di mana ianya terletak di Segamat, Johor. Kami percaya bahawa kami mampu untuk melaksanakan tugas yang diberikan ini dengan jayanya. Malah, tugas ini juga dapat memberikan manfaat dan kebaikan bukan sahaja kepada diri kami sendiri malahan juga kepada masyarakat di luar sana yang mempunyai kesedaran dan keprihatinan terhadap sejarah Kampung Bukit Tunggal. Di sini, kami dapat tahu serba sedikit mengenai kisah-kisah masyarakat di situ dan kisah-kisah disebalik nama kampung tersebut. Walaupun terdapat banyak cabaran dan halangan sepanjang kami melakukan tugas ini iaitu dari segi penggunaan wang dan masa yang suntuk, namun kami amat bersyukur kerana untuk kesemua proses daripada sebelum, semasa dan selepas kajian dapat berlalu dengan baik sekali.

Oleh yang demikian, kami mengucapkan ribuan terima kasih terutama sekali kepada pensyarah kami bagi subjek ini iaitu Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman yang banyak membimbing, memberi tunjuk ajar dengan mencurahkan segala ilmu yang beliau ada tanpa rasa lelah dan jemu. Selain itu, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tok Baharom Bin Haji Ahmad kerana dengan kerjasama beliau dalam menyelesaikan tugas ini dan segala persoalan mengenai kampung tersebut telah terjawab dengan jayanya. Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam membantu kami sepanjang penyediaan kajian ini berlangsung. Antaranya adalah Encik Roslan Bin Darmuji, Tok Haji Wahab Bin Haji Yaseh, dan juga ditunjukkan khas buat ahli keluarga kami yang sentiasa ada untuk menyokong dan mendoakan kami supaya tugas ini berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan kami yang banyak membantu dalam memahami dengan lebih lanjut mengenai tugas ini. Terima kasih untuk kesemuanya. Jasa mereka tidak mampu untuk kami balas.



3.0 SENARAI ABREVIASI

NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu



**SENARAI
SINGKATAN**

4.0 SENARAI SINGKATAN

TB: Tok Baharom Bin Haji Ahmad

NHA: Nurul Hidayatul Aini Khairul Anuar

EA: Erni Amirah Binti Yahaya

TW: Tuan Haji Wahab Bin Haji Yaseh



5.0 RUJUKAN KATA

Ni	Ini
Tak	Tidak
Ha	Iya
Tu	Itu
Macam	Seperti
Ketandusan	Ketiadaan sama sekali
Insha Allah	Dengan izin Allah
Orang rumah	Isteri
Takde	Tiada
Dah	Sudah
Nak	Mahu
Kecik	Kecil
Boring	Bosan
Special	Istimewa
Tok Aji	Atok Haji
Je	Sahaja
Dekat	Di
Nyewa	Sewa
Booking	Tempah
Tengah	Sedang
Glamour	Terkenal
Confuse	Keliru
Belah	Bahagian
Popular	Terkenal
Cakap	Memberitahu
Pasal	Sebab
Lepastu	Selepas itu
Pulak	Pula
Tengok	Lihat
Nampak	Lihat
Sebijik	Sebiji
Anu	Itu
Bapak	Ayah
Public	Umum

Wife	Isteri
Haritu	Hari itu
Kitorang	Kami
Diorang	Mereka
Ambik	Ambil
Specific	Khusus
Berdo'oh	Menipu
Sedara	Saudara
Group project	Projek kumpulan
Sorry	Maaf
Kat	Di
Lah	Ya
Macam mana	Bagaimana
Sacrifice	Berkorban
Hundred percent	Seratus peratus
Interview	Temu duga
Still	Masih
Mini	Kecil
Pastu	Selepas itu
Student	Pelajar



**BIODATA
PENEMUBUAL**

6.0 BIODATA PENEMUBUAL

6.1 Penemubual Pertama



Nama:	Nurul Hidayatul Aini Khairul Anuar
Tarikh Lahir:	7 Disember 2001
Tempat Lahir:	Kuantan, Pahang
Alamat:	No 21, Jalan Cherating Damai 1, Perkampungan Cherating Damai, 26080 Kuantan Pahang
No Telefon:	017-9334118
Emel:	hidayatulaini7@gmail.com
Program:	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)

6.2 Penemubual Kedua



Nama:	Erni Amirah Binti Yahaya
Tarikh Lahir:	21 April 2001
Tempat Lahir:	Bera, Pahang
Alamat:	No 285, Felda Bukit Kepayang, 28200 Bandar Bera, Pahang
No Telefon:	014-5409693
Emel:	ernotamirah@gmail.com
Program:	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246)




7.0 BIODATA TOKOH

7.1 Biodata Tokoh

Nama penuh pengkisah yang telah menyumbang dalam proses menyelesaikan tugas kajian sejarah lisan ini adalah Encik Baharom Bin Haji Ahmad. Namun, beliau lebih dikenali sebagai Tok Baharom oleh masyarakat setempat. Beliau kini berusia 67 tahun. Beliau dilahirkan pada tanggal 10 Julai 1956 di Kampung Bukit Tunggul, Segamat, Johor. Beliau telah bekerluarga dan juga kini telah mempunyai cucu. Beliau merupakan anak jati Kampung Bukit Tunggul kerana telah menetap di kampung tersebut sejak lahir sehingga kini dan beliau kini menetap bersama keluarganya. Tok Baharom ini telah dilantik sebagai ketua kampung yang menguruskan dan mengendalikan Kampung Bukit Tunggul selama 14 tahun. Namun, setelah bersara daripada menjadi ketua kampung, beliau kini memegang jawatan *NGO* dalam membantu menyelesaikan sebarang tugas. Jawatan beliau adalah di dalam UMNO bahagian kawasan Segamat.

7.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Pengkisah yang telah terpilih ini adalah berdasarkan cadangan yang telah disenaraikan oleh pensyarah subjek IMR604 kami, Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman serta turut dibantu oleh Encik Roslan Bin Darmuji untuk menjalankan temubual bersama Tok Baharom sesuai dengan soalan dan objektif kajian kami yang ingin menjalankan kajian berkaitan Kampung Bukit Tunggul. Setelah mendapat nombor telefon Tok Baharom, kami kemudian menghubungi Tok Baharom dan telah bertanya mengenai kesudian beliau untuk ditemubual oleh kami bagi menyelesaikan tugas kajian sejarah lisan ini dan beliau telah memberi kata persetujuan. Kami telah bersetuju untuk bertemu bagi perjumpaan pertama pada 25 Mei 2023. Tok Baharom turut membawa kami melawat kawasan-kawasan yang memberi kesan sejarah yang dapat membantu dalam kajian sejarah lisan kami. Perjumpaan pertama kami telah berjalan dengan baik lalu kami telah berbincang untuk menjalankan perjumpaan kedua kami untuk menemubual beliau pada 7 Julai 2023. Perjumpaan kedua kami juga berjalan dengan lancar disebabkan oleh beliau telah memberikan kerjasama yang baik dalam membantu kami menyelesaikan tugas ini.



8.0 PENGENALAN

Sejarah lisan ialah cara ahli sejarah mempelajari dan menyemak sama ada sesuatu dari masa lalu benar-benar berlaku. Ia seperti berbincang dan berbahas dengan seseorang yang berada di masa lalu untuk mengetahui apa yang sebenarnya telah berlaku. Ia membantu kita mengingati dan menulis perkara yang seseorang itu alami pada masa lalu. Selain itu, sejarah lisan ialah kaedah inkuiri untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah bertulis, dan ia juga merupakan kajian yang boleh menyimpan data tentang peristiwa dan masa lalu. Kajian sejarah lisan dikatakan menarik kerana ia menawarkan pengalaman baharu, melihat sejarah dari pelbagai sudut pandangan, dan mengenali lebih lanjut tentang personaliti manusia. Ia adalah bidang kajian yang sangat luas dan meliputi pelbagai golongan komuniti, seperti individu biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, syarikat dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Dalam membuat penyelidikan dan pengkajian sejarah, sejarawan akan menggunakan sejarah lisan daripada merujuk kepada sumber primer dan bertulis. Adalah mustahil untuk menjalankan penyelidikan dan pengkajian dalam bidang sejarah tanpa menggunakan sejarah lisan. Penghasilan sejarah akan menjadi berat sebelah dan tidak objektif jika keadaan ini berlaku. Oleh itu, jelas betapa pentingnya sejarah lisan dalam bidang sejarah. Herodotus, yang menjalankan proses temu ramah dengan orang ramai untuk mendapatkan maklumat tentang peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lalu, memupuk bidang sejarah lisan. Dia telah digelar sebagai "Bapa Sejarah" kerana beliau adalah antara orang pertama dalam bidang ini (Starr, 1984).

Ahmad (1987) menyatakan bahawa sejarah lisan ialah kaedah penyelidikan moden yang bertujuan untuk mengekalkan pengetahuan sejarah melalui cerita. Metodologi ini memerlukan wawancara dan rakaman ke dalam pita tentang penjelasan individu yang mengetahui tentang peristiwa sejarah, sama ada melalui penglibatan langsung atau sekadar menyaksikannya sendiri. Sejarah lisan juga boleh ditakrifkan sebagai proses melibatkan orang serta menceritakan peristiwa kepada orang yang mengumpul maklumat yang berkaitan dengan masa lalu dan dirujuk daripada pelbagai sumber, seperti gambar, diari, surat, kertas dan ingatan individu. Sumber primer yang dianggap sebagai sumber sejarah lisan ialah maklumat yang diperolehi daripada hasil daripada temu duga yang dirancang dan dicatat oleh penyelidik dan informan.




9.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur merupakan bahagian yang penting dalam satu-satu proses penyelidikan dan ianya memberikan sumbangan yang bermakna kepada setiap langkah-langkah operasi penyelidikan yang terlibat (R. Kumar, 2011). Ia merupakan pelaksanaan membuat rujukan secara kritikal dan sistematik dokumen-dokumen yang terkandung segala idea, kaedah pelaksanaan kajian, serta kaedah pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan bidang yang diselidiki. Dalam penulisan kajian literatur, tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca pengetahuan dan idea yang telah dikembangkan berkaitan topik kajian dan apa kelebihan dan kelemahannya kajian-kajian lain.

Segamat adalah sebuah tempat lama di Johor yang mempunyai banyak cerita menarik sejak dahulu lagi, sehingga orang memanggilnya "Daerah Lagenda". Pada zaman dahulu, terdapat sebuah kerajaan yang sangat penting di daerah Segamat bernama Malim Dewa. Ia sangat besar sehingga meliputi kawasan yang luas dari Kuala Muar hingga ke hulu daerah Segamat. Kemudian, ada seorang putera raja bernama Raja Malim Deman. Dia jatuh cinta kepada seorang puteri bernama Puteri Santan Bertapis. Tetapi yang menyedihkan, seorang putera dari kayangan datang dan membawa puteri itu pergi. Raja berjanji jika putri yang dicintainya tidak ditemukan, dia akan membanjiri daerah Segamat. Janji tersebut membuat daerah tersebut dikenal sebagai "Daerah Sumpah Malim Deman".

Di pengkalan Lubuk Batu, terdapat dua peristiwa yang terjadi di sana. Saat bendahara datang ke Lubuk Batu, cuaca di sana sangat panas. Bendahara Tepuk, yang sudah tua terpaksa diusung ke pangkalan untuk mandi. Airnya yang dingin membuat Bendahara merasa sangat segar, sehingga dia berkata, "Segar amat badanku ini". Orang mengatakan bahwa ketika Bendahara Tepuk mengucapkan kata "Segar Amat", maka terciptalah nama "Segamat". Dahulu, Segamat mempunyai nama lain yang disebut "Rantau Panjang". Nama ini diberikan karena keadaan muka bumi sekitar kawasan sungai Segamat pada masa itu.

A graphic of a scroll with a black outline and rounded corners. The scroll is partially unrolled, with the top and bottom edges curving upwards. The text is centered on the scroll.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

10.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup di Kampung Bukit Tunggal. Bersama-sama kami adalah Tok Baharom yang merupakan seorang bekas ketua kampung di Kampung Bukit Tunggal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 7 Julai 2023 bersamaan dengan hari Jumaat, pada pukul 3:30 petang, bertempat di Balai Raya Kampung Bukit Tunggal. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurul Hidayatul Aini dan juga Erni Amirah Binti Yahaya. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NHA: Okay, untuk soalan yang pertama saya akan mulakan berkaitan dengan latar belakang diri.

TB: Ya.

NHA: Jadi saya nak tanya soalan pertama adalah, apakah nama penuh Tok Baharom?

TB: Tok Baharom Bin Ahmad.

NHA: Baharom Bin Ahmad.

TB: Baharom Bin Haji Ahmad.

NHA: Haji?

TB: Haji Ahmad.

NHA: Boleh saya tahu berapa umur Tok Baharom sekarang?

TB: Tujuh puluh enam [76]

NHA: Tujuh puluh enam tahun [76]

TB: eh, *sorry-sorry*. [maaf] bukan 76, 67. Terbalik-terbalik.

NHA: Okay. (ketawa kecil)

TB: *sorry-sorry*. [maaf]

**NHA: Enam puluh tujuh tahun [67]. Tulah Nampak macam makin berusia pulak.
(ketawa kecil)**

TB: hahaha *sorry-sorry*. [maaf]

NHA: Bilakah dan kat [di] mana tempat lahir Tok Baharom?

TB: Saya memang dilahirkan di Kampung Bukit Tunggal juga sampai di ini hari.

NHA: Tahun?

TB: Lahir 10 hari bulan tujuh [7] tahun 56 [1956].

NHA: Semula?

TB: 10 hari bulan tujuh [7] tahun 56. [1956]

NHA: Adakah Tok Baharom ni [ini] memang anak jati Kampung Bukit Tunggal lah [ya] kiranya?

TB: Memang saya anak jati Kampung Bukit Tunggal. Lahir pun di sini sampai ini hari.

(Bunyi mesin pencetak)

NHA: Kiranya memang Tok Baharom ni [ini] dah menetap kat [di] Kampung Bukit Tunggal ni [ini] sejak lahir?

TB: Sejak lahir ya betul. (mengangguk)

NHA: Kiranya dah enam puluh tujuh [67] tahun lah [ya] kan menetap di sini?

TB: Ya, --

NHA: Macam mana [bagaimana] Tok Baharom boleh berminat untuk mengumpul dan simpan berkaitan dengan sejarah ni [ini]?

TB: Sebenarnya sebagai pemimpin, memang sewajarnya kita mengumpul sejarah ni [ini] untuk rujukan. Contohnya macam ada pelajar ke kadang-kadang ada daripada, apa ni (berfikir sejenak) jabatan berkenaan. Jadi kalau kita mengumpul yang berkenaan ni [ini], di mana hendak kita jelaskan sedangkan kita menjadi pemimpin dalam kampung. Tapi kalau kita sedikit sebanyak tak [tidak] tahu asal usul kampung, saya rasa memang bermasalah lah. Tak [tidak] ada maknalah kalau jadi ketua kampung kalau kita tak dapat menjelaskan. Ha itulah.

NHA: Betul, nanti kalau ada sesiapa yang ingin bertanya ke nanti kalau bukan kepada ketua kampung, siapa lagi kan?

TB: Ya, betul.

NHA: Payahlah nak cari.

TB: Ya, betul.

NHA: Macam mana tok tahu berkaitan dengan cerita Kampung sejarah Bukit Tunggal ni? [ini] Adakah melalui pengalaman sendiri atau pun dari mana-mana sumber?

TB: Sebahagiannya daripada pengalaman sendiri, ya kita tahulah sebab dah berpuluh tahun [menetap] sini, yang selebihnya merujuk kepada penduduk yang lebih awal lah daripada kita, yang berusia daripada kita.

NHA: Apakah jawatan Tok di dalam Kampung Bukit Tunggal ini? Bekas ketua kampung lah kan?

TB: Ya. -- Jawatan saya sekarang, takde [tiada] apa jawatanlah cuma NGO jelah [sahaja] membantu mana yang perlu, (berfikir) dalam.... apa [berfikir] jawatan lain tu [itu] adalah contohnya menjadi pegawai pegangan (berfikir) veteran UMNO bahagian Segamat. Jadi Pengerusi Seni Budaya dalam daerah Segamat. Untuk negeri jelah, makna untuk daerah saya tak pegang lah.

NHA: Berapa lama tok pegang jawatan, jawatan Tok ni? Berapa lama dah?

TB: [Berfikir] empat belas [14] tahun rasanya.

NHA: Ouh, boleh tahan lama. Dah macam-macam [pelbagai] benda la boleh jumpa...

kan sepanjang pegang jawatan ini?

TB: Pengalaman?

NHA: hmm [ya] (sambil mengangguk).

TB: Pengalaman [berfikir] macam-macam pengalaman kan. (sambil ketawa) Maksudnya pengalaman yang macam mana tu?

NHA: Yang menariklah, yang paling diingati sampai sekarang.

TB: Yang paling diingati, (berfikir) tahun 2006 punya banjir paling besar tu tak silap - -

NHA: Kitaorang [kami] kecil lagi masa tu [itu] (sambil ketawa)

TB: Ha, tahun 2006. Itulah pengalaman saya menjadi ketua kampung tiba-tiba terus menghadapi banjir yang terlalu besar. Itu pengalamanlah yang tak boleh dilupakan.

NHA: Memang kelam kabut la ya nak --

TB: Memang kelam kabut. Masa tu kita pun masih baru lagi, jadi tak pernah bencana yang begitu besar di – (berfikir), bukan di sini saja, makna di seluruh Malaysia. Itulah pengalaman.

NHA: Kalau macam tu, saya dah [sudah] dapat dah serba sedikit berkaitan latar belakang diri Tok Baharom. - -

TB: Ya. (sambil mengangguk)

NHA: Jadi saya akan mula untuk bertanya soalan berkaitan dengan tajuk kami lah, iaitu berkaitan Kampung Bukit Tunggal.

TB: Ya, saya.

NHA: Jadi saya akan mulakan dengan asal-usul pembukaan. Soalan yang pertama, boleh tak Tok ceritakan asal-usul pembukaan Kampung Bukit Tunggal ini?

TB: Asal-usul dia?

NHA: Hmm. (mengangguk)

TB: Yelah, apa yang saya dimaklumkan ya, saya rujuk kepada yang berkenaan. Asal-usul Kampung Bukit Tunggal ini dibuka oleh Tok Empang. Ya, Tok Empang ni datangnya dari Sumatera. Ya, datang ke mari, dia masuk dari Sungai Muar tu, Sungai Muar --, Negeri Sembilan. Jadi, beliau mendapat tahu, dia mudek ke mari, mendapat tahu yang kawasan ini nak dibuka, tapi tak berjaya. Beliau mencuba nasib lalu kehilir dan masuk ke Sungai Jementah. Jementah, kemudian ke hulu, menetap sementara di Kuala Penarah. Maknanya di sungai belah luar yang besar tu. (sambil menunjukkan isyarat tangan ke luar) --

NHA: Ouhh, dekat Kawasan sini lah?

TB: Jalan yang kita nak masuk ke simpang tu –

NHA: haa [bersetuju] (sambil mengangguk)

TB: Kan ada sungai tu Kampung Penarah tu. Beliau dengan isteri beliau lah, Dan anak-anak serta pengikutnya. Jadi daripada Kuala Penarah tu, beliau naik ke Bukit Cerebon yang saya tunjuk tempoh hari tu. Jadi semasa ke situ, berlaku banjir

yang mana kawasan sekeliling habis tenggelam. Hanya Bukit Cerebon tu je yang timbul. Jadi, di situlah yang diberi namanya Kampung Bukit Satu. [1] Bukit Cerebon tu, jadi (berfikir) tempatnya tinggi, daripada Bukit Cerebon tu ditukar ke Bukit Satu. [1]

NHA: Macam mana, apakah kisah disebalik nama Kampung Bukit Tunggul tu sendiri?

TB: Kampung Bukit Tunggul mempunyai sebuah Sekolah Dewasa dulu dipanggil Sekolah Dewasa dulu. Jadi sekolah itu sekolah umum. --

NHA: Kiranya sekolah dewasa ni macam Sekolah Menengah, Sekolah Rendah macam tu?

TB: Dia kira macam sekolah rendah, tapi murid-muridnya, murid dewasa –

NHA: Ouhh. (mengangguk) Zaman dulu.

TB: Dulu, faham kan?

NHA: Umur jelah berbeza.

TB: Yes. [ya] Diberi nama Sekolah Umum Bukit Satu. Pada Tahun 1938 sebuah sekolah didirikan menggantikan Sekolah Umum Bukit Satu tu, ditukar nama sebagai Sekolah Rendah Bukit Tunggul. Jadi, pada tu, dia terus sekolah rendah tu maksudnya daripada murid. Faham tak? Dia beza tu nak kena faham tu.

NHA: Tahun berapa ya, *sorry* [maaf]. Tahun berapa?

TB: Tiga puluh lapan [1938], (berfikir sejenak) yang membuka tu Tok Penghulu Puntung Bin Lajim. Penghulu Jementah yang ke lima [5], dan sempena dengan pembukaan sekolah tersebut, Kampung itu ditukar dengan nama Kampung Bukit Tunggul. Bermakna daripada Bukit Satu tadi dah tak ada dah. Sebab satu tadi tu dia tunggul kan, dia tukarkanlah, tu cerita dia.

NHA: Kiranya, asalnya nama dia adalah Bukit –

TB: Satu [1] --

NHA: Bukit Satu, Bukit Cerebon pun sama juga.

TB: Ya.

NHA: Ouhh (mengangguk)

TB: Bukit Cerebon tu tempat dia.

NHA: Bukit Cerebon tu tempat dia?

TB: Haa [bersetuju] _ _ _ _ Bukit Satu.

NHA: Disebabkan banjir yang berlaku tu –

TB: Haa [bersetuju]

NHA: Nampak hanya satu bukit tu je [sahaja] di situ.

TB: Ya.

NHA: Jadi, orang kampung pun panggil Bukit Satu.

**TB: Bukit Satu. Jadi, lepas Bukit Satu tu dia dah naik taraf terus jadi Bukit Tunggal.
(ketawa)**

NHA: Sampailah sekarang?

TB: Sampailah sekarang, ya betul.

NHA: Siapa yang mula-mula buka penempatan dekat kampung Bukit Tunggal ni sendiri?

**TB: Itulah dia, yang nama Tok Kedot, Tok Empang tu. Pada tahun 1647 lah kalau _ _
bukak tu.**

NHA: Enam belas?

TB: 1647.

NHA: Agak lama tu.

TB: Lama. (sambil mengangguk)

NHA: Sangat Lama. (ketawa kecil)

TB: (Ketawa kecil sambil mengangguk)

NHA: Kiranya sebelum Tok Empang tu datang untuk buka tempat ni, orang-orang kampung, orang-orang kawasan sekitar Kampung Bukit Tunggal ni lah yang cuba untuk bangunkan?

TB: Ya, tapi tak menjadi.

NHA: Tak berjaya. (serentak bersama TB)

TB: Ya, betul.

NHA: Bilakah tempat ni mula dibuka dan dibangunkan?

TB: Pada keadaan awal kampung ini, tidak teratur, pada tahun 1952. Jadi, 1952 tu berlaku penempatan semula oleh kerajaan British masa tu. Kawasan asal kampung ini dipunyai oleh tiga [3] orang tuan tanah dan kerajaan telah ambil tanah tersebut untuk membuat penempatan semula kepada penduduk kampung. Masa tu sekitar ni marin [dulu] tiga [3] tuan - - kira yang blok tu lain, __ tu lain tu. Yang ni ada tiga [3] tuan, Bila kerajaan British ambil pastu dia pecahkan lot. Satu lot, satu lot - -

NHA: Untuk ke tiga-tiga orang tuan tu lah, dibahagikan?

TB: ha ya. Betul.

NHA: Bagaimana keadaan awal sebelum pembukaan kampung ni?

TB: Pada awal, bilangan dia ni (berfikir) tak menentulah. Bilangan penduduk yang terlibat tidak dikenal pasti kerana ia melibatkan penduduk daripada kampung sekeliling tu. Kampung Pulau Jering, Kampung Paya Mengkuang, -- dan sebahagian Bukit Tunggal. Waktu tu disatukan, makna, Paya Mengkuang sana (sambil jari menunjuk ke arah luar) dan Pulau Jering sana (jari menunjuk ke arah luar). Ha, tu di satukan. Jadi Kawasan Bukit Tunggal.

NHA: Ouh, (sambil mengangguk) kiranya sebelum Kampung Bukit Tunggal ni dibuka, ada kawasan sekitar penduduk - -

TB: Ya, Pulau Jering dan Paya Mengkuang, kampung asalnya.

NHA: Ouh, kawasan yang mula-mula lagi dibuka - -

TB: Ya, dia tu lebih awal daripada tu - -

NHA: Kiranya penduduk kampung kawasan tu lah yang datang sama-sama untuk buka - -

TB: Ya, bermakna yang ada tu semuanya dia panggil untuk penempatan semula masa musim Jepun ke British kan, dia penempatan semula.

NHA: Kiranya masa awal-awal pembukaan kampung ni, kawasan ni agak teruk lah kan? Macam memang tak ada apa-apa lah kan?

TB: Ya, kosong. Memang kosong. Bermakna yang ada paya cuma tulah, Pulau Jering dan Paya Mengkuang. Memang itu lah hasil paya lah, anu [itu] hasil padi.

NHA: Hasil padi. (sambil mengangguk)

TB: Jadi, disini getah. Ceritanya disini pokok getah. - - Makna hasil utama memang padi, Paya Mengkuang dan Pulau Jering tu memang padi.

NHA: Semasa awal pembukaan kampung ni, adakah terdapat cabaran yang perlu ditempuhi? Sebarang cabaran?

TB: Cabaran tu memanglah, yang dihadapi semasa Tok Empang membuka kampung ni. Apabila ditebang pokok-pokok tersebut boleh tegak semula dan beliau berusaha lah dengan ilmu yang dimiliki akhirnya pokok yang ditebang, hari esoknya tidak tegak balik. Dia ada, yelah orang lama-lama kan. Dia ada kelebihan pada dia lah. Dan dalam masa sama, dia kehilangan anak lelaki yang tidur dalam buaian. Dalam mimpi Tok Empang tu didatangi orang tua, mengatakan Tok Empang telah berjaya membuka kawasan, sebagai ganti anak lelakinya diambil oleh orang tua itu.

NHA: Kiranya dia datang sini dengan isteri dia dan anaknya, tapi dalam usaha dia nak membuka kampung Bukit Tunggal ni dia kena *sacrifice* [berkorban] anak dia.

TB: Anak dia. Ya (sambil mengangguk)

NHA: Kena berkorban lah, anak dia di ambil.

TB: Ya, anak lelaki.

NHA: Adakah terdapat sebarang kejadian yang tak dapat dilupakan yang telah berlaku semasa proses awal pembukaan Kampung Bukit Tunggal ni?

TB: Itulah yang saya nyatakan tadi, yang mana tebang ini hari, esok pokok tegak balik.

NHA: Kiranya memang sangat susah lah untuk buka kampung ni?

TB: Ya, betul. Mana ditebang ini hari, esok tegak.- - Itulah yang dialami oleh beliau lah.

NHA: Boleh saya tahu, adakah Tok tahu sumber pendapatan utama penduduk Kampung Bukit Tunggal pada masa dahulu? Sumber pendapatan utama.

TB: Ouh, dia utama dia tu padi dan getah lah.

NHA: Padi?

TB: Ha [iya] padi dan getah.

NHA: Kiranya masa dulu tu, hanya ada padi dan getah jelah [sahaja]?

TB: Iya, sawit tak ada lagi.

NHA: Sawit, baru sekarang kan, sawit?

TB: Ha, [bersetuju] baru ada sawit.

NHA: Kiranya mereka, penduduk kampung dulu hanya menjual padi diorang [mereka],
toreh getah. - -

TB: Ya, itulah dia.

NHA: Apakah agama yang diamalkan oleh penduduk awal Kampung Bukit Tunggal
ni?

TB: Pegangan agama ya?

NHA: Hmm. [iya] (sambil mengangguk)

TB: Memang agama Islam jelah. [sahaja]

NHA: Agama Islam, memang kebanyakannya lah?

TB: Memang tak ada.

NHA: Ouh, yang selain daripada itu takde? [tidak ada]

TB: Tak ada, masa tu [itu] memang tak ada. Setahu saya memang tak ada.

NHA: Bermaknanya kawasan Kampung Bukit Tunggal ni, penduduk kampung dia
walaupun masa pembukaannya hanyalah warga Melayu lah?

TB: Haah, Melayu.

NHA: Takde Cina, India, semua tak masuk lagi?

TB: Tiada, tiada. Memang Melayu, *Hundred percent*. [100%]

NHA: Tapi, macam yang kami tahu, Tok Empang ni datang dari Sumatera ya tadi?

TB: Ya, betul.

NHA: Tak ada penduduk kampung Indonesia ke datang masuk sekali? Itu tak pasti?

TB: Mungkin ada la, kerana dia datang pegikut dia disitu ada. - -

NHA: Pengikut dia sekali.

TB: Ada, ada pengikut dia. Tapi tak tahu berapa ramai bilangan dia lah. - -

NHA: Ouh, bilangan dia tak dapat ditentukan.

TB: Ha, [setuju] Memang ada. Mana dia dari Sumatera kan. Kebanyakan asal-usul semua daripada sana lah.

NHA: Faham. (mengangguk) Tetapi masih boleh dikatakan agama Islam ini agama yang paling kuat lah di tempat ini, tiada agama lain masa itu.

TB: Ya, tiada.

NHA: Sekarang ni jelah [sahaja] baru masuknya Cina, apa semua kan dekat kawasan ni? Kalau sekarang kita boleh tengok, banyak, ramai orang Cina kan?

TB: Ya. Tapi yang menetap di kampung tak ada. Yang ada pun, rentetan tu lah tepi tu macam kilang sawit - -

NHA: Ouuh. (mengangguk)

TB: Tu lah tepi tu, dia bukannya duduk tetap. Dia bekerja je [sahaja], dia berniaga je. Dia tak ada yang tinggal sini tetap, tak ada. - -

NHA: Tak ada lah yang daripada dulu - -

TB: Memang tak ada daripada dulu, memang tak ada.

NHA: Ouhh. [faham]

(NHA dan EA berbisik)

NHA: Jadi, soalan yang ingin saya bertanya kepada Tok Baharom sampai disini sahaja, dan saya akan sambungkan kepada kawan saya. Kawan saya akan sambung bertanya.

TB: Okey.

EA: Jadi saya akan teruskan dengan sejarah pentadbiran di Kampung Bukit Tunggal.

TB: Okey. (mengangguk)

EA: Jadinya boleh saya tahu bagaimana corak pentadbiran awal di Kampung Bukit Tunggal?

TB: Yes, [ya] (berfikir) semasa penempatan semula, disini ada Majlis Tempatan Bukit Tunggal pada tahun 52-53 [1952-1953] lah dan dipengerusikan oleh Ketua Kampung ketika itu Tuan Haji Abidin bin Keseng, dan beliau ada seorang kerani, Encik Ahmad Ghazali bin Isnin. Dan, dia ada pekerja buruh dia pulak tu, sampai keliling tu, Encik Haron bin Rono dan Wak Mejo. Ada satu, dua tu saya jumpa tu Wak Mejo. Selepas beberapa tahun, apa tu (berfikir), Ahmad Ghazali meletak jawatan kerana gaji terlalu kecil ketika itu. Kerani dia tu lah dia berhenti kerana gajinya terlalu kecil jadi dia berhenti. Dan diambil alih oleh Tuan Haji Darman Bin Ahmad Alias sehinggalah Majlis Tempatan dibubarkan dan digantikan dengan jawatankuasa keselamatan kampung, _ _ lah. Dulu sini Kawasan Majlis ni.

NHA: Apa dia?

TB: Dulu sini Kawasan Majlis. (sambil menunjuk tangan ke luar)

NHA: Kawasan Majlis.

TB: Masa baru pembukaan. Haa, jadi setelah kemudian baru dilantik macam Jawatankuasa Kampung lah tu. Haa, dulu memang Majlis. Memang dulu ada kerani dia dan ada pekerja dia. Pejabat sekolah, anu [itu] pejabat dia dekat

sekolah itulah. Dulu, memang ada, kerani. Yelah bukan ayam makan jagung (membuat bunyi ayam makan jagung sambil ketawa) dulu kan. Saya ingat masa saya bujang dulu. - -

NHA: (Ketawa) Sempat lah lalui zaman tu.

TB: Haa [setuju]

EA: Sekarang dewan tu dah jadi apa?

TB: Dewan tu?

EA: Haah [iya]

TB: Ada tu yang kita dah buat balai raya sebelah tu. __ Dulu tu tapak dia. Tapak dia.

EA: Jadinya, bagaimana corak pentadbiran terkini?

TB: Yelah setelah di apa tu (berfikir), Majlis tu tak wujud, bermakna dia tu diambil alih oleh ketua kampung lah, Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung. Sampai ini hari.

EA: Boleh saya tahu, siapa ketua kampung terbaru kampung ini?

TB: Ketua kampung itu hari, Tuan Haji Wahab Bin Yaseh lah, beliau. (sambil menunjuk ke arah Tuan Haji Wahab)

EA: Dah berapa lama eh [ya] dia pegang jawatan?

TB: Dia ni baru lagi (berfikir), belum ada setahun. Belum ada setahun lagi - -

(Suara Tuan Haji Wahab menyampuk)

TB: Berapa bulan? (Bercakap dengan Tuan Haji Wahab)

TW: Enam [6].

TB: Ha [bersetuju] setengah tahun. [6 bulan]

EA: Sebelum dia jadi ketua kampung, dia pegang jawatan sebagai apa ya?

TB: Dia dulu ada bertugas di kerajaan, _

EA: Seterusnya, adakah jawatan untuk mentadbir kampung ini akan diberikan kepada keturunan ataupun keluarga sahaja? Atau turut melantik orang lain?

TB: Tak, tak. Ketua kampung ni dilantik oleh apa (berfikir) memang prosedur dia sekarang macam jawatan biasa juga. Dibuka, diumumkan, bermakna mohonlah, pergi *interview* [temu duga] kalau layak, layaklah. Tak layak, ke lohong lah jawabnya. (ketawa kecil) Haa, maksudnya tak ada dilantik oleh keturunan ke, tak ada. Dia prosedur biasa, panggil di pejabat daerah. *Interview* [temu duga] macam biasa, macam penjawat awam juga.

NHA: Adil lah - -

TB: Ha, ya

NHA: Takdelah bagi dekat ahli keluarga saja.

TB: Tak, tak. Memang dia terbuka.

EA: Jadinya Tok Baharom pun *interview* [temu duga] jugaklah sebelum ni untuk jadi ketua kampung?

TB: Eh, *interview* [temu duga] lah. Takkan tak *interview*. (ketawa) Semasa saya pun *interview*.

NHA: (ketawa)

EA: Bolehkah Tok Baharom ceritakan serba sedikit tentang pembangunan dan kemajuan semasa kampung ini?

TB: Banyak pembangunan dan kemajuan yang diterima dekat kampung ini jika dibandingkan dengan kampung ini mula dibuka. Kampung ini mempunyai Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama. Sebelum ni, dulu tak ada Sekolah Agama. Masjid dan juga (berfikir) balai raya. Dulu pun ada balai raya, tak lah secanggih ini, kan. Masa saya baru memegang jawatan tu, itulah terbinanya balai raya ni untuk kegunaan kampung dan kemudahan telefon dan segala-galanya perparitan semua teratur lah. *Inshaallah* lah tak ada, apa kata orang (berfikir) menjadi masalah dan kesulitan.

EA: Adakah dengan kemajuan yang sedang berlaku di sini memberikan impak kepada sejarah Kampung Bukit Tunggal?

TB: Yelah dengan kemajuan yang sedang berlaku, memang banyaklah kemajuan dan kemudahan yang penduduk setempat dapat ya. Maksudnya banyak, begitu banyak perubahan daripada pihak kerajaan, pihak-pihak agensi, dan daripada pihak individu pun banyak menyumbang untuk membangunkan kampung, ini kita tidak menidakkan. Individu pun ada yang membantu.

NHA: Makin senang lah kan orang kata penduduk kampung ni.

TB: Ya, tak ada masalah. Sebab, contohnya saya sebagai Pengerusi Badan Kebajikan

Agama. Daripada tubuhnya Sekolah Agama tu. Sekolah Agama tu saya terlupa lah masa ditubuhkan tu tahun bila, tetapi masa saya lah menjadi ibu bapa murid, sampai ke cucu, sampai anak saya tak sekolah pun saya masih pegang lagi pengerusi tu. Jadi, saya tubuhkan tu, penubuhan sekolah agama sampai tertubuhnya sekolah agama. Dan soal kewangan tidak ada masalah dan juga soal-soal di masjid, sebagai pengerusi tak ada masalah soal kewangan. Memang individu-individu banyak *alhamdulillah* banyak yang menyumbang. Memang tak ada masalah soal kewangan.

EA: Jadi saya teruskan dengan ataupun gaya hidup masyarakat di awal pembukaan. Apa keistimewaan atau tradisi yang dipraktikkan di Kampung Bukit Tunggul?

TB: Yelah, yang masih lagi dipraktikkan, contohnya gotong-royong. Gotong-royong, rewang-rewang masih wujud lagi. Kenduri kendara, _ wujud lagi. Daripada wanita punya aktiviti semua masih wujud. Maksudnya, tidak pernah lekanglah daripada apa itu (berfikir) program semasa. Sama ada penduduk ke, dan belia ke, *insyaallah*, masih aktif lagi lah.

NHA: Kalau tengok, kebanyakan kawasannya dah tak ada dah buat benda-benda.... macam merewang, gotong-royong untuk kenduri ni. Kebanyakannya dah panggil katering saja. Tapi dekat kampung ini masih kekalkan. - -

TB: Sini masih, kalau contohnya, kalau buat kenduri kahwin, lima [5] orang, satu [1] atau [2] tu adalah buat katering, kerana beliau tidak cukup kakitangan. Keluarga kecil lah senang cakap, keluarga kecil. Kerana kalau kita nak buat (berfikir) majlis, tak ada masalah. Di sini ada Dewan Hanifah, di hujung sana (sambil tangan menunjuk ke luar). Itu individu tu, Dewan Hanifah tu memang disewakan. Dan, balai raya ni sendiri, masa saya dulu, memang saya cadangkan, saya bangunkan tu pasang balai tu. Bermakna, boleh menampung luar dalam balai tu, boleh menampung orang. Tak ada masalah. Bermakna masih ada lagi Kita sediakan ruang yang sepatutnya, masih ada lagi. Memang ada, yang Katering adalah satu [1], dua [2]. Dalam lima [5] satu [1] catering lah.

NHA: Yelah, *still* [masih] ada jugak yang dah ikut peredaran zaman kan - -

TB: Ada, ada haa [bersetuju]

NHA: Zaman sekarang lebih mudah katering, katanya.

TB: Ya, betul. Tak menidakkan memang ada. Tetapi rewang semua pun masih wujud lagi. Yang bulan lepas pun masih buat disini. Lupa pulak nak ambil gambar (ketawa kecil). Ada, betul, buat di sini.

EA: Jadinya balai raya ni Tok Baharom lah yang bangunkan?

TB: Bukan saya bangunkan, masa tangan saya masa tu - -

NHA: Mencadangkan lah.

TB: Haa [setuju] mencadangkan. - -

NHA: Untuk dibangunkan.

TB: Naikkan bangunan balik, naikkan taraf. Lepas tu luar tu semua tepi tu masuk sikit lah tu.

EA: Kiranya ada apa-apa lagi ke yang Tok Baharom cadangkan apa-apa ke benda-benda yang dah dibangunkan ni?

NHA: Yang menyumbang kepada pembangunan. - -

TB: Pembangun, ouhh.

NHA: Haa, pembangunan. - -

TB: Ya, saya ada cadangkan, saya masa, kebetulan tempoh hari kampung ni kita ada buat pertandingan kampung contoh. Bukit Tunggal ni wakil daerah untuk ke negeri. Jadi, masa tu saya pun cadangkanlah supaya kita kan ada tempat yang satu lapang tu untuk kita buat satu, apa eh (berfikir)

TW: Mini [Kecil] Dataran.

TB: Haa [iya] Mini Dataran, makna melambangkan Kampung Bukit Tunggal. Ha, saya ada cadangkan. Lepastu [selepas itu] diluar sana, (sambil menunjuk ke arah luar) kan ada kawasan Majlis tu saya pun mencadangkan untuk, (berfikir) - - gerai tu dah naik taraf dah tu, kalau dulu tak macamtu, sekarang dah nak taraf. Pastu, [selepas itu] saya cadangkan supaya membuat pondok wakaf. Supaya kadang-kadang ada ibu bapa *student* [pelajar] UiTM kalau nak datang ke minum situ, bawak family ke takde tempat kan. Itu, masih dalam proses tu. Saya mencadangkanlah. Untuk yelah, untuk kemudahan, awam kan.

EA: Hmm [setuju] (sambil mengangguk).

NHA: Banyak juga sumbangan Tok Baharum kepada kebolehan awam ni [ini] (ketawa kecil)

TB: Hahaha (ketawa kecil) ya lah kita di mana kita bergaul dengan kawan dan _ di situ ni [ini] tercetus minda kita tapi kalau kita tak [tidak] berkawan dengan pegawai yang atas kita minda kita ada takkan pecah ha [iya] makna ya lah orang yang educated dia punya minda dia lain jadi kita secara tak [tidak] langsung kita dengan sendiri, yang pertama. Yang keduanya, kita sedikit sebanyak dalam pada perbualan kita hari-hari masa minum dia dengan

sendirinya benda tu [itu] dia terkeluar yang kita mencadangkan. Ha [iya] tulah dia dengan sendirinya di atas interaksi kita dengan pegawai berkenaan. Itu dia biasanya.

NHA: Terhasilnya lah

TB: Ha terhasilnya benda ni secara tidak langsung. Kalau tak kita tak tahu. Yang kedua, macam mana contoh kalau kita tak bergaul dengan dia mana kita tahu, kita tak tahu. Ha sebab kita kalau berkawan dengan dia minum-minum bergurau ke cerita kisah politik semasa kadang-kadang dengan sendirinya benda tu kita datang.

NHA: Kalau tak [tidak] bergaul pun mana kita nak tahu masalah-masalah orang kampung ke kan.

TB: Ha ya memang tak tahu, betul-betul.

NHA: Daripada situlah kita dapat tahu.

TB: Ya secara tak [tidak] langsung lah benda tu.

EA: Tu [itu] yang boleh jadi sepuluh [10] tahun tu [itu] kan pegang jawatan.

TB: Hahaha (ketawa)

NHA: Hampir empat belas [14] tahun juga kalau campur jawatan lain.

TB: Tu dulu tu pasal tukar kerajaan kalau tak kekal lagi sampai sekarang. (TB dan AA ketawa serentak)

EA: Okey saya akan teruskan dengan adakah terdapat sebarang amalan yang sering digunakan di sini. Contohnya dari segi adat resam perkahwinan [TB batuk] atau pemakaman. Eh pemakanan.

TB: Pemakanan?

EA: Ha perkahwinan atau pemakanan.

TB: Ya, di sini soal amalan gotong royong tu [itu] memang masih - - masih tu [itu] lagi masih diamalkan macam [seperti] rewang - - rewang kenduri kahwin tu [itu] masih diamalkan di sini. Maksudnya kata orang tidak *ketandusan* [ketiadaan sama sekali] lagi lah. *Insha Allah* [dengan izin Allah] kalau sini kalau kita panggil rewang semua kalau kita umumkan di masjid lelaki perempuan contohnya kan ibu bapa semua keluarlah. Kalau kita panggil yang pemuda, pemuda je keluar. Kalau katakanlah melibatkan tempat wanita ada umum keluarlah. Ada banyak lah aktiviti kadang pihak kepada pihak agensi _ kan, ada buat diorang keluar lah *Insha Allah* [dengan izin Allah]. Kemas jangan cakap lah. Hahaha kan (ketawa) kemas. *Insha Allah* [dengan izin Allah] benda tu takde masalah.

EA: Kiranya orang kampung sini aktif-aktif lah kan?

TB: *Insha Allah* memang - - memang aktif.

EA: Tapi, sekarang kan macam yang tinggal orang-orang yang dah berusia. Orang muda mesti banyak dah berhijrah kan.

TB: Ya lah, walaupun dah _ tapi macam orang tua-tua. Ni contoh. Itu bagus soalan awak. Soalan bagus. Kadang-kadang ya ke tidak. Kena ingat benda tu, itu pengalaman saya sendiri. Contohnya orang rumah saya sendiri kan. Contohnya macam *orang rumah* [isteri]. Ketika dahulu memang anak-anak masih sekolah rendah maksudnya masih boleh aktif lah sesama dengan wanita dan ibunya pun sama juga. Tetapi setelah anak dah berhijrah ke lain, yang ibunya masih wujud lagi tinggal tinggal tau. Jadi ibu tu masih aktif lagi. Kerana dia aktif kerana tanggungan dia dah takde lagi. Contohnya, macam orang rumah saya, kan. Dia boleh lagi takde [tiada] tanggungan. Alhamdulillah badan masih sihat. Kalau, soalan tu bagus. Kadang-kadang banyak ada orang “eh macam mana boleh tahan”. Dah [sudah] takde tanggungan, jadi dia boleh ada masa. Kalau dulu memang betul. Tapi kena ingat tu. Tu sebabnya kalau nak [mahu] cari ada memang takde. Tapi masih wanita tu walaupun dia berusia tapi dia masih aktif lagi. Contohnya, kalau ada sini selalu kena banjir. Sini pernah _ banjir. Apa ni _ _ tengok macam mana wanita membantu memasak menyiapkan makanan semua. Memang masih wujud lagi. *Insha Allah*.

NHA: Dulu anak-anak kecil [kecil] nak keluar nak buat kerja payah kan.

TB: Iya, sekarang dia dah tinggal. Dia dekat rumah dia *boring* [bosan]. Habis dia datang, kan. Dia buat kerja.

NHA: Boleh bergaul dengan kawan-kawan.

TB: Iya, betul-betul. Beramal cara tu. _ cara tu, beramal kan. Masa dia ada masa.

NHA: Ada ke makanan yang macam haa apa (sedang berfikir) yang memang datangnya daripada Kampung Bukit Tunggal macam orang kata kalau nak dapatkan makanan tu kena datang sini dulu. Yang *special* [istimewa] lah dekat sini.

TB: Kalau yang *special* sekarang ni hmmm (berfikir) dah takde. Dulu memang ada buat. "Sekarang ni dah takde ji ya makanan?"

TW: Tinggal daging salai je lah.

TB: Ha tinggal siapa dia daging salai je dengan leman. Lemang tok aji [atok haji] ni je [sahaja] lah. Ha leman contohnya kan. Tu je lah. Kalau dulu memang ada, tempeyek. _ _ sebab atok dia dah meninggal. Jadi, dia tu anak-anak saudara angkat dia lah. Kalau dulu memang ada, bahulu. _ _ makna dia pun dah naik taraf. Daripada dia buat dekat rumah sekarang dia dah buat restoran besar dia dah naik taraf. Kalau dulu memang dia buat dekat rumah bahulu tu.

NHA: Dah mendapat sambutan

TB: Iya, maknanya dia dah buat dekat [di] luar. Dah naik taraf lah.

NHA: Kiranya memang takde lah sekarang dah macam tak bersambung lah legasi makanan *special* untuk Kawasan tu.

TB: Maknanya dia dah dapat perut dah dekat luar. (ketawa kecil)

NHA: Oh, dah makin maju kan dah bertambah lagi pendapatan.

TB: Iya, maksudnya memang dia _ apa dah takde. Semua _ _ nyewa [sewa] orang tu ada kedai sendiri. Nyewa empat (4), lima (5) ribunya kedai maknanya naik taraf

lah tu.(ketawa kecil). Kan?

NHA: Ya lah.

TB: Dia pun dah tak buat tu dia buat catering semua dah sekarang. Memang ramai yang tempah dengan dia catering semua. Pelamin semua sekali. Dulu dia ada bahulu je tu mula-mula.

NHA: Sekarang dah macam-macam.

TB: Sekarang ni dah ada pelamin, catering semua dia buat. Majlis pejabat daerah semua dah booking [tempah] dia je. Memang jauh.

NHA: Sibuk.

TB: Ha, jauh melangit dia punya tu. (AA dan NHA ketawa serentak). Dia punya perbezaan dia.

NHA: Rezeki kan daripada asal buat dekat rumah je.

TB: Iya, ha dulu buat dekat rumah je. Kebetulan anak dia membantu ada anak perempuan seorang ada lelaki seorang anak dia yang baiki benda. Maknanya sekarang memang tengah [sedang] tiptop lah nama warisan bonda tu. Memang dah tiptop lah.

EA: Jadinya kita teruskan dengan kisah makam Tok Empang. Jadinya, boleh saya tahu apakah nama sebenar Tok Empang dan adakah beliau mempunyai nama samaran lain selain nama Tok Empang?

TB: Nama Tok Empang ni nama sebenarnya betul Tok Kedot. Bin siapa tu kita tak tahu. Tapi terkenal dengan Tok Kedot. Jadi Tok Empang ni sejarah dia kisah tu lah tadi yang cerita tu pasal Bukit Cerebon yang tadi empang air tu. Nama glamour [terkenal] dia sampai sekarang Tok Empang. Padahal nama dia betul Tok Kedot. Bin siapa kita tak tahu kita tak dapat kesan.

EA: Kedut tu eja macam mana? K-E ?

TB: K-E-D-O-T. Ada Kedot ada Kedut. Kalau saya pun kalau dekat situ pun *confuse* [keliru] juga. Kadang Kedot kadang Kedut (ketawa kecil).

EA: Kenapa beliau digelar Tok Empang?

TB: Itulah yang saya cerita dia, masa dia menanam padi. Dulu keliling sungai paya tu. Sebab apa yang kita tengok tu tempat Bukit Cerebon Bukit Satu. Belah [bahagian] bawah tu dengan rumah tu memang paya tu paya keliling. Jadi, ni kira bukit ni. Bukit tinggi lah yang paling tinggi bukit tu lah. Jadi keliling tu dia tanam padi. Tanam padi air takde kan (berfikir). _ empang pecah. Jadi dia mengempangkan diri dia tu. Tok Kedut ni. Tu yang dia _ masuk _ padi. Tu cerita dia. Terus dia lekat terus daripada Tok Kedut terus jadi Tok Empang sampai ke ini hari. Maknanya kalau di sini kalau Tok Kedut diorang tak popular [terkenal] kalau Tok Empang popular. Terutama kalau orang yang suka benda pelik-pelik oh Tok Empang ni, Bukit Tunggul. Tok Empang tengah ni makam dia. Tapi kita tak layan sebab benda tu khurafat. Kita tak boleh layan. Tapi kalau orang luar memang popular.

NHA: Orang cari lah ya Tok Empang tu.

TB: Ya betul. _ _

NHA: Ha gambar.

TB: Banyak diorang cari cuma saya tak tunjuk saya cakap [memberitahu] takde entah mana, malas. Pasal [sebab] dia buat benda yang tak elok. Masalah tu. Kalau kita tunjuk dia akan datang _ _ _ Tok Baharom _ _ _ _ . Kita mengelak lah kalau dapat.

NHA: Dah kalau tak pun dulu dijaga elok-elok kan tapi - -

TB: Dulu memang cantik, dulu siap dengan _ _ batu nisan warna kuning. Dulu tak silap saya hari ada satu ada hari-hari dia macam tak tahu lah waris ke apa dia akan ganti batu tu dengan kain kuning lepastu [selepas itu] ada pulut kuning. Masa tu saya kecil lagi saya tak teringat. Pulut kuning semua. Tapi masa tu banyak yang macam khurafat jadi serba salah tu.

NHA: Niatnya hanya, niat asal dia hanyalah nak jaga tempat tu kan? Tapi nya - -

TB: Iya, ada sebilangan yang - -

NHA: Orang yang tak bertanggungjawab tu jadikan khurafat pulak [pula].

TB: Iya, itu jadi masalah tu. Itu rasa serba salah tu dibuatnya.

NHA: Akhirnya terbiar macam tu je sekarang bila kita tengok kan. Kotor Kawasan dia.

TB: ____. Tapi nanti, dulu takde jalan sekarang dah ada jalan sekarang lagi dah ramai dah macam apa pulak kan (TB dan NHA ketawa kecil serentak).

EA: Yang berbalik kepada bukit tadi tu, kalau kita pergi tengok [lihat] bukit tu adakah masih nampak bukitnya? Bukit Satu tu.

TB: Itulah yang kita nampak [lihat] tu tanah dia tinggi sikit je. Dia yang dekat atas tu hanya ada pokok manggis dan langsung je. Yang kita tengok tu ada manggis dan langsung je. Takde apa-apa. Bawah tu sungai. Jadi yang kita pandang kita tu kira belah paya tu. Sebelah tu sungai. Jadi dia satu [1] je bukit tu. Ha tu je.

EA: Tapi kalau dulu Nampak lagi jelas lah kan?

TB: Ha, kalau dulu pasal lapang memang lagi jelas. Masa paya dulu, memang lah. Dulu pokok dia _ memang dia _ memang dia sebiji [sebiji] dia. Ha itu je. Sekali dah tanam macam-macam, dah tak nampak.

NHA: Kiranya tu bukan tanah sesiapa lah kan?

TB: Eh ada, tanah anu [itu] apa ya nama dia. Orang sebelah rumah ni. Abang ipar saya punya bapak [ayah]. Sebelah rumah ni je. Sebelah rumah ni. __ pendekar tanah tu. Tanah tu Ahmad Bin siapa entah tapi glamour dia tu mat pendekar. Atas tanah tu tuan tanah dia mat pendekar. Mat bin mat siapa tapi orang gelaran dia mat pendekar. Dalam tu takde sejarah ni. Dekat sini takde.

NHA: Mat ke mak?

TB: Mat. Ahmad.

NHA: M A T

TB: Mat Ahmad. Mat pendekar.

NHA: Oh, kiranya memang tanah tu orang punya lah.

TB: ada orang punya.

NHA: bukannya *public* [umum] ke?

TB: Bukan - -

NHA: Oh, tapi sekarang pun dia tak hanya biarkan macam tu je lah tanah tu takde buat inisiatif apa-apa.

TB: Tanah tu sebenarnya, tanah dia tu dia tu adik beradik dia mat pendekar ni. Mat pendekar ni saya tak jumpa. Saya jumpa wife [isteri] dia saya jumpa. Arwah Tok Pisah saya jumpa. Jadi, dia ni meninggal dia meninggalkan anak Abdul Khadir, Mariam Ahmad, Yusof Ahmad, Khatijah Ahmad, Manan Ahmad. Jadi yang dah meninggal, Mariam Ahmad, Manan yang bongso, Abdul lah yang meninggal. Yang dah meninggal tiga [3]. _ _ . Yusof Ahmad, Khatijah Ahmad dan Khadir Ahmad. Khadir ada. _ _ , Makna tiga [3] lagi. Bermakna tanah ni kelmarin, dia ni lima [5] beradik. Lima [5] beradik tanah ni dia beri nama anak dia yang bongso. Namanya Abdul Manan Ahmad. Duduknya di Felda Kota Tinggi. Jadi tanah tu kelmarin meninggal awal Manan ni anak dia yang bongso. Betullah anak arwah tu Mat Pendekar tu meninggal. Selepas meninggal tu katanya _ _ _ _ kata nak . Kalau nak sebut nama, tak tahu lah nama siapa sekarang. Maknanya tanah tu sekarang orang yang sebelah tu tolong cucikan lah.

NHA: Duduk rumah yang ada dekat situ, oh.

TB: Yang bersebelahannya lah. Tok Empang tanam dan bersihkan kebun tu kan daripada semak. Bertuan tanah tu, Mat Pendekar Namanya. Ya lah sejarahnya takde saya pun tak tahu Mat Pendekar sejarah ni. Saya tak tahu nak rujuk siapa lah. Saya nak rujuk anak dia takut anak dia pun tak berapa tahu. Anak dia abang ipar saya. Abang ipar yang tinggal, Duduk di Keratong satu [1]. Satu [1], yang satu [1] lagi Khatijah Ahmad akak. Jadi dia tiga [3] beradik lah, Abdul Khadir Ahmad.

Saya nak tahu sejarah Mat Pendekar ni apa dia punya sejarah, pendekar apa. Tapi setahu saya, Mat Pendekar ni adik beradik - - family dia kelmarin duduk di Permatang Panjang tu Kiai Yusuf. Tu semua anak beranak dia tu memang kaki pendekar. Pendekar __. Cuma Mat Pendekar ni saya belum dapat secara terperinci. Saya ingin tahu juga tu. Kalau tak mesti ada nama ada sebab tu.

NHA: Sebabkan bukit tu kan antara sejarah yang besar lah dekat sini kan. Berasalnya nama Bukit Kampung Tunggal daripada bukit tu sendiri. Rupanya-rupanya ada tuan dia.

TB: Ada, ada tuan. Ya betul. Tanah tu tak luas pun lebih kurang tak sampai tiga [3] ekar pun tanah dia.

NHA: Oh keciknya.

TB: Ha tak luas pun dua [2] tiga [3] ekar lah.

EA: Boleh saya tahu bila Tarikh Tok Empang meninggal?

TB: Tok Empang ni memang kita tak dapat ketahuilah kerana saya pun pernah tanya orang yang dulu Mat Sab tu kata kelmarin masa dia kena walak-walak dia lah tetapi dia sendiri tak tahu. Masa saya kecik dulu, Tok Enab tu kelmarin dulu dia lagi tua. Tapi tanya dia pun masa tu pun dia tak tahu masa tu Tok Enab masa tu pun dah umur dalam tujuh puluh [70] lebih dah. Masa tu pun dia tak ingat. Tak dapat ketahui tarikh tu.

EA: Di mana tempat jenazah Tok Empang disemadikan?

TB: Ya lah tempat dia __ __ __ yang sedia ada tu lah.

NHA: Kiranya kubur sebelah - - apa kubur sebelah tempat Tok Empang disemadikan tu baru je dibuka kan?

TB: Maksudnya?

NHA: Kan tanah wakaf tempat Tok Empang disemadikan tu berhampiran dengan tanah wakaf. Kiranya sebelah tu baru je dibuka tanah dia tu.

TB: Maksudnya Tok Empang tu lebih awal. Lepastu baru dia buka tanah wakaf sampai hari ni. Maksudnya Tok Empang tu lebih awal. Saya rasa lah. Dia memang lebih awal.

EA: Jadinya, dekat mana pula tempat jenazah isteri Tok Empang disemadikan?

TB: Yang kita dimaklumkan memang sebelah _ tu lah. Yang ada tanam pokok mengkudu tu, kan. Dekat sebelah tu. Yang kita dimaklumkan macam tu lah.

EA: Kiranya ada lah batu nisannya sekali? Sebabnya haritu [hari itu] kitorang [kami] tengok macam tak nampak pun.

TB: Takde, dia takde. Dia takde batu nisan. Tapi apa yang dimaklumkan memang situ lah tempat dia.

NHA: Kiranya hanya daripada mulut-mulut orang lah berkata. Takde tanda khusus.

TB: Ha, ya ya. (mengangguk) Takde, takde. (menggeleng).

NHA: Oh. Sebabnya kalau kita boleh tengok macam Tok Empang punya makam tu punya lah dijaga dengan sangat rapi tapi untuk isterinya macam takde apa-apa tanda hanya macam tu sahaja.

TB: Takde. Ceritanya memang dia bersebelahan je, isterinya. Dah kita dimaklumkan begitu, itu lah dia.

NHA: Pokok, pokok apa? Mengkudu?

TB: Mengkudu. Kenal mengkudu kan?

NHA: (NHA menggeleng sambll ketawa kecil).

TB: Oh kacau. Mengkudu buah dia yang itu - - itu hijau.

EA: Boleh ceritakan mengeni kisah makam Tok Empang?

TB: Kisah makam Tok Empang cerita dia tu memang tu saya ceritakan tadi pada

mulanya Tok Empang ni memang dulu masa tahun enam puluh an [60] lah dulu awal enam puluh an [60]. Dia punya makam tu memang kira masa tu kira canggih. Dan ya lah dengan tembok yang tinggi tu masa tu saya kecik lagi. Saya pun berpaut lah nak tengok, berpaut betul. Saya berpaut masa tu ketika tahun awal enam puluh an [60] kira dah macam canggih dah tu. Canggih tu aduh apa tu makam tu. Ya lah dengan berbumbung semua memang dikawal rapi. Saya ingat masa tu, itulah arwah Tok Enab dia yang selalu rajin membersihkan makam tu. Jadi memang dengan bertutup beratap semua sekali yang saya kata nisan dia tu pun digantikan dengan apa kain kuning. Agak dah lusuh diganti. Jadi kerana makin lama makin banyak yang menyalahgunakan. Jadi kebetulan pulak waris-waris, waris yang berkenaan tu kita pun tak dapat nak mengetahui siapa waris yang apa yang terdekat. Saya dulu saya ingat arwah Tok Enab. Selepas tu kelmarin dah takde waris. Selepas tu orang pun banyak menyalahgunakan. Jadi benda tu dapat ____. Macam terabai. Tapi nama dia tu masih lagi diingati oleh orang-orang kampung dan orang luar. Kerana penempatan penduduk kampung ni bukan orang Kristian. Bukan waris Tok Empang yang penempatan ni. Dan waris dia ni pun dia duduk pun kira *area* [Kawasan] Paya Mengkuang. Dia di Paya Mengkuang. Dia bukan masuk dekat kawasan blok. Dia yang kawasan blok ni yang jalan Ampang tu atau kawasan blok. Yang waris ni kelmarin Tok Enab tu dia keluar kawasan blok. Dia paya mengkuang tu je. Tu saya cakap tu tadi yang penempatan Paya Mengkuang ni dan Paya Jering. Sana paya mengkuang sini Paya Jering. Tempat tu tengah.

EA: Boleh saya tahu penyalahgunaan tu dari segi apa?

TB: Ya lah, kalau dulu ada juga yang kadang dia mintak [minta] untuk menyembuhkan sakit-sakit kan. Tetapi dalam waktu sama juga, ada menyalahgunakan memohon mintak cepat kaya. Faham je lah. Tu yang kelmarin rasa macam tak sesuai lah. Jadi, yang tu kelmarin time tu dia cakap-cakap kadang pelbagai orang sampai. Masa tu jalan yang hitam tu belum ada lagi. Masa tu jalan wakaf kelmarin diorang kalau datang waktu situasi orang tak sibuk diorang [mereka] selalu datang. Orang tak sibuk pun tak perasan sangat. Kalau dah lewat petang orang duduk pun tak perasan. Tapi yang kita perasan tu sekali tengok tu eh pelbagai yang ada dekat dalam dekat makam tu. Tu yang rasa macam tak sedap tu. Tu yang kita pun kadang ada yang kita tegur dulu. Lepastu lama-lama kurang alhamdulillah makin kurang jugak. Dan kini sekarang dah takde. Jadi tak tahu lah berapa tahun lagi ke nanti.

NHA: Orang sekarang pun macam dah tak berapa nak percaya sangat kot dengan

benda-benda macam ni.

TB: Ya, betul. Tapi masih ada lagi yang percaya. Kita dah tak percaya tapi masih ada lagi yang percaya. (ketawa kecil)

EA: Cumanya dah kurang lah kan sebab sekarang pun zaman dah moden.

TB: Ya, betul-betul. (mengangguk)

EA: Tadi ada cakap mengenai pulut kuning kan?

TB: Ha'ah (mengangguk)

EA: Pulut kuning tu sempena apa?

TB: Dia macam dia ada tarikh, waris-waris dia tahu lah. Ada, saya dah lupa dah pada hari - - hari apa, dia ada hari dia la. Dia hari dia dan bulan dia. (memikir) Tu yang kita tak berapa nak ingat tu. tapi memang ada lah waktu tu. kadang-kadang dia panggil, dia panggil orang _ dia. Dia buat macam kita buat tahlil macam tu lah. Memang saya ingat dulu saya masa kecik-kecik kan degil kan, pergi rumah dia ambik [ambil] buah jambu air kan. Rupanya ada _ _. Waktu budak-budak, bukan main laju makan. Saya ingat tu masa tu tahun enam puluh an [60].

NHA: Kiranya dia memang ada lah tarikh *specific* [khusus] dia.

TB: Ha memang ada specific pada keluarga dia. Pada dia, dia tahu. Kita tak tahu.

NHA: Tak tahulah.

TB: Tapi dia kata ada anak Tok Empang. Tapi kalau ikut sejarah dia kita tak tahulah. Kalau tak dibuat katanya dia akan menghadirkan lah makam tu. Contohnya dia tak dapat dizahir tau. Tetapi, diorang cakap lah dengar ngauman-ngauman dia ada dah harimau dia tu. Jadi cerita dia ada harimau dia ada harimau Tok Empang.

NHA: Harimau?

TB: Harimau Tok Empang. Ha.

NHA: Penjaga dia atau macam mana?

TB: Macam penjaga dia tahu lah cerita kita tak tahu. Lepastu dia kata dengar gerakan dia lalu semua. Tu orang-orang dia lah tu orang-orang dia cerita lah. Memang ada harimau Tok Empang. Bukan harimau menjelma, bukan. Dia memang ada dia punya tu. Kalau menjelma macam ni rasa rumah dah kosong lari semua. (TB dan NHA ketawa serentak)

NHA: Orang pun takut.

TB: Ya, takut.

EA: Kiranya harimau tu apa macam - -

TB: Mungkin penjagaan dia lah.

EA: Penjagaannya

TB: Rasanya lah.

NHA: Ya lah, orang zaman dulu kan.

TB: Ha, yang pertama. Tapi kalau saya tanya kalau saya tanya saya sekarang, saya akan menyatakan berdo'oh [menipu]. Kerana menakutkan budak-budak. (ketawa)

NHA: Ya lah, zaman dulu kan orang suka cakap untuk takut-takutkan budak.

TB: Kalau tanya saya lah kan, kalau orang lama, marah dia. Kalau saya tanya, berdo'oh ni.

EA: Kalau dulu kan macam orang percaya je cakap apa-apa kan. Sekarang kita lebih boleh berfikirkan benda-benda macam tu.

TB: Iya, betul-betul

EA: Adakah masih ada waris atau keturunan Tok Empang yang masih hidup?

TB: Tu lah untuk pengetahuan yang setahu saya waris tu lah arwah Tok Enab kelmarin. Arwah Tok Enab tu pun saya pun tak tahu waris tu siapa. Dia tu rumah dia saya ingat dekat hujung rumah dia. Dia kalau dulu dia kalau bukan adik beradik apa semua takde. Dia dalam kampung tu kan tak ramai kan. Dia je harapan yang jadi ahli salah laku __. Kalau sekarang kan ikut susur galur kena tengok bin binti kan. Dulu takde kan. Macam dia dulu sedara aku jadi yang mana rapat tu arwah Tok Mat Saf kelmarin yang rapat dengan Tok Enab kelmarin. Tapi nak katakan dia waris kepada Tok Empang dia pun tak boleh tunjukkan susur galur dia. Dia kalau betul kita ada kita boleh tunjuk kan. Walaupun sampai tujuh [7] keturunan kan mesti ada. Kan A-A-B-B-C-D-E. Tapi dia tetap tak boleh tunjukkan. Makna waris dia kita tak dapa kesan. Yang saya tahu Tok Enab. Tapi dah meninggal Tok Enab tu. Yang saya kata masa kecik-kecik dia buat pulut kuning tu lah. Lepastu takde, maknanya kita tak dapat kesan. Hanya tinggal nama je. Apa yang saya tahu, tu je lah dia.

NHA: Lagipun anak dia pun daripada awal pembukaan tu pun dah diceritakan anak dia dah takde kan, jadinya nak waris tu agak payah lah.

TB: Ha, macam mana nak ada. Kalau ada waris pun bedo'oh. (ketawa) Kan? Ni contoh je kan. Dia anak satu, betul?

NHA: Hmmm (mengangguk)

TB: Meninggal. Lepastu kubur dia ada ____. Dia tidak dinyatakan dia kahwin lagi. Jadi kalau kata ada bedo'oh. Kan?

NHA: Kalau nak dikatakan sedara [saudara] tu mungkin lah.

TB: Ha, kalau sedara tu mungkin lah.

NHA: Kalau betul-betul waris yang waris dia tu macam tak mungkin lah anak dia pun dah takde.

TB: Kita pun tak tahu dia duduk Sumatera ni Sumatera Jawa ke Sumatera apa. Kalau biasanya cakap Jawa kan? Tapi setahu saya Tok Enab ni dia bukan Jawa dia Melayu.


NHA: (ketawa kecil)

TB: Ha tu Melayu. Yang mengaku tu pun lagi Melayu. (ketawa) Yang Mat Saf bin Perang tu pun lagi Melayu. Ha jadi dia sebenarnya dia memang takde waris. Memang betul. Kan ada satu [1] je. Kan tadi ganti dia tu takde. Mereka siapa yang mengaku tu memang bedo'oh lah. (ketawa)

NHA: Mungkin dia rasa dia tu orang terdekat je lah kan.

TB: Ya-ha-ya, kalau orang terdekat tu boleh, betul. Boleh diterima orang terdekat. Yang tahu lah susur galur dia.

EA: Jadinya soalan kita, temubual kita ni sampai sini je lah ya. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Bukit Tunggal. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Tok Baharum dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada kami punya projek, group project [projek kumulan] pada masa akan datang. Sekian terima kasih.




10. LOG TEMUBUAL

MINIT	TOPIK	HURAIAN
0:04 – 0:58	Sesi pembukaan dan pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyelidik memulakan temubual
0:59 – 7:15	Latar belakang diri dan keluarga pengkisah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nama: Baharom Bin Haji Ahmad ▪ Umur: 67 tahun ▪ Tempat lahir: Kampung Bukit Tunggai ▪ Tarikh lahir: 10 July 1956 ▪ Tempoh menetap: 67 tahun ▪ Jawatan: Manta ketua kampung ▪ Tempoh memegang jawatan: 14 tahun
7:26 – 21:26	Asal usul pembukaan Kampung Bukit Tunggai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Asal-usul Kampung Bukit Tunggai ini dibuka oleh Tok Empang ▪ Tok Empang ni datangnya dari Sumatera ▪ Beliau naik ke Bukit Cerebon tetapi berlaku banjir dan hanya Bukit Cerebon yang timbul ▪ Daripada Bukit Cerebon tu ditukar ke Bukit Satu ▪ Tok Empang buka penempatan di kampung Bukit Tunggai Pada tahun 1647 ▪ Pada keadaan awal kampung ini, tidak teratur, pada tahun 1952 ▪ Tok Empang telah berjaya membuka kawasan, sebagai ganti anak lelakinya diambil oleh orang tua ▪ Sumber pendapatan utama padi dan getah
21:27 – 28:57	Sejarah pentadbiran di Kampung Bukit Tunggai	<ul style="list-style-type: none"> ▪ semasa penempatan semula, disini ada Majlis Tempatan Bukit Tunggai pada tahun 52 53 [1952-1953] ▪ dipengerusikan oleh Ketua Kampung ketika itu Tuan Haji Abidin bin Keseng. ▪ Corak pentadbiran terkini diambil alih oleh ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung sampai ini hari

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketua kampung terbaru kampung ini adalah Tuan Haji Wahab Bin Yaseh ▪ Untuk menjadi ketua kampung perlu menghadiri sesi temu duga ▪ Banyak pembangunan dan kemajuan yang diterima oleh kampung ini jika dibandingkan dengan awal pembukaan ▪ Kampung ini mempunyai Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, Masjid dan balai raya ▪ Pihak kerajaan, pihak-pihak agensi, dan daripada pihak individu pun banyak menyumbang untuk membangunkan kampung ini
28:58 – 40:30	Aktiviti sosial / gaya hidup masyarakat di awal pembukaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Yang masih lagi dipraktikkan, contohnya gotong-royong, rewang-rewang masih wujud lagi. ▪ Balai raya ni Tok Baharom yang mencadangkan ▪ Tok Baharom mencadangkan Mini Dataran, makna melambangkan Kampung Bukit Tunggal. ▪ Cadangkan supaya membuat pondok wakaf. ▪ Makanan yang memang datangnya daripada Kampung Bukit Tunggal yang tinggal hanyalah daging salai dan leman. Kalau dahulu tempeyek, bahu.
40:33 – 1:04:15	Kisah makam Tok Empang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nama Tok Empang ni nama sebenarnya betul Tok Kedot. ▪ Tok Empang menanam padi di Bukit Cerebon atau Bukit Satu. Tetapi air tiada kerana empang pecah. Jadi dia mengempangkan diri dia

		<ul style="list-style-type: none">▪ Dulu makam Tok Empang memang cantik, dihias dengan batu nisan warna kuning dan terdapat pulut kuning.▪ Orang yang tidak bertanggungjawab jadikan tempat makam Tok Empang khurafat▪ Tuan tanah bukit cerebon adalah mat pendekar.▪ Jenazah Tok Empang disemadikan di Kampung Bukit Tunggai▪ Jenazah isteri Tok Empang disemadikan disebelahnya yang mempunyai tanaman pokok mengkudu▪ Masa tahun 60 an makam Tok Empang ketika itu dikira canggih. Dengan tembok yang tinggi dan berbumbung.
--	--	--



11.0 RALAT

Sesi temubual ini telah dijalankan oleh kami bersama-sama pengkisah kami iaitu Encik Baharom Bin Haji Ahmad atau lebih gemar dipanggil Tok Baharom. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan dan halangan yang tidak dapat dielakkan yang telah kami hadapi semasa temubual dijalankan. Namun hal yang demikian, sesi temu ramah ini tetap berjalan dengan baik dan lancar. Seperti yang berikut merupakan antara faktor yang telah menjadi punca gangguan atau ralat yang tidak dapat kami elakkan daripada berlaku semasa sesi temu ramah dijalankan secara fizikal di Balai Raya Kampung Bukit Tunggal.

- Gangguan bunyi mesin pencetak
- Gangguan suara orang ketiga
- Gangguan bunyi bising

Meskipun sesi temu ramah ini mempunyai beberapa ralat dan gangguan, akan tetapi, temubual ini tetap dapat dijalankan dengan jayanya. Justeru itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tok Baharom Bin Haji Ahmad di atas kesudian beliau untuk bersama-sama meluangkan masa untuk menjalankan temubual ini dengan kami.



12. INDEKS

A

Awal 24, 29, 30, 31, 32, 34, 38, 47, 49, 50, 53

Anak 23, 27, 31, 38, 42, 43, 44, 47, 48, 52, 53, 54

Arwah 47, 50, 53,

B

Bukit cerebon 27, 28, 45

Balai raya 21, 35, 37, 39

Bulan 22, 36, 39, 51

C

Cadangkan 39, 40, 41

D

Dalam 23, 24, 31, 39, 40, 41, 47, 48, 50, 51, 53, 54

E

Encik 34

F

Faham 27, 33, 34, 50

G

Getah 31, 32

H

Hasil 30, 31, 41, 54

I

Isteri 27, 31, 42, 49,

J

Jawatan 24, 25, 35, 36, 37, 41

K

Kampung Bukit Tunggul 21, 22, 23, 24, 26, 27, 37, 38, 40, 43, 48, 54

Ketua kampung 21, 24, 25, 34, 35, 36, 37

Kemajuan 37

L

Lelaki 31, 42, 44

M

Majlis 34, 35, 39, 40, 44,

Membantu 24, 38, 43

Masa 25, 26, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 45, 46, 48, 50, 51, 53, 54

O

Orang 28, 29, 30, 31, 33, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54

P

Penduduk 24, 29, 30, 31, 32, 33, 37, 38, 50

Pembukaan 26, 27, 30, 31, 33, 35, 38, 53

Penempatan 29, 30, 34, 50

R

Rewang 38, 39, 42,

Rumah 42, 43, 44, 45, 47, 48, 51, 52, 53

S

Sejarah 21, 23, 24, 48, 54

Sumatera 33, 54

Sekolah 27, 35, 37, 38, 42,

T

Tahun 22, 24, 25, 27, 29, 34, 41

Tok empang 26, 29, 31, 44, 45, 48, 49, 50, 52, 53

Tok Kedot 29, 45

Z

Zaman 27, 35, 39, 51, 52



13.0 BIBLIOGRAFI

Baharom Bin Haji Ahmad. (2023). *Kampung Bukit Tunggal*. Retrieved from: Ahli sejarah segamat

Lin, S. H. (2020, July). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting Dan diperlukan Dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ?
https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah

Wikimedia Foundation. (n.d.). *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu*. Wikipedia.
[https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan_Kebangsaan_Melayu_Bersatu#:~:text=Pertubuhan%20Kebangsaan%20Melayu%20Bersatu%20\(Jawi,Presiden%2C%20Dato'%20Seri%20Dr.](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan_Kebangsaan_Melayu_Bersatu#:~:text=Pertubuhan%20Kebangsaan%20Melayu%20Bersatu%20(Jawi,Presiden%2C%20Dato'%20Seri%20Dr.)



13. LAMPIRAN

a) BIOGRAFI TOKOH



NAMA PENUH:	Baharom Bin Haji Ahmad
NAMA PANGGILAN:	Tok Baharom
UMUR:	67 Tahun
TARIKH LAHIR:	10/7/1956
BANGSA:	Melayu
AGAMA:	Islam
STATUS:	Berkahwin
JAWATAN:	Bekas ketua kampung

b) SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya..... Baharom Bin Haji Ahmad K/P: 560710015967 pada
..... 7/7/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di
antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.
Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidikpenyelidik.

.....
(Nama tokoh: Baharom Bin Haji Ahmad)
Tarikh: 7/7/2023

.....
(Nama pensyarah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

c) SOALAN TEMUBUAL

A. LATAR BELAKANG DIRI

1. Apakah nama penuh tok Baharom?
2. Berapakah umur tok Baharom?
3. Bilakah dan dimanakah tempat lahir tok?
4. Adakah tok anak jati Kampung Bukit Tunggal?
5. Adakah tok masih menetap di Kampung Bukit Tunggal dan sudah berapa lama?
6. Bagaimana tok boleh berminat untuk mengumpul dan menyimpan fakta sejarah?
7. Bagaimana tok tahu mengenai cerita Kampung Sejarah Bukit Tunggal? Adakah melalui pengalaman sendiri atau dari mana-mana sumber?
9. Apakah jawatan tok di dalam Kampung Sejarah Bukit Tunggal?
10. Berapa lamakah tok memegang jawatan tersebut?

B. SOALAN UMUM

1. Asal usul pembukaan
 - i. Boleh tok ceritakan asal usul pembukaan Kampung Bukit Tunggal?
 - ii. Apakah kisah di sebalik nama Kampung Bukit Tunggal?
 - iii. Siapa yg mula-mula membuka penempatan di sini?
 - iv. Bilakah tempat ini mula dibuka dan mula dibangunkan?
 - v. Bagaimanakah keadaan awal sebelum pembukaan kampung ini?
 - vi. Berapakah bilangan penduduk yang turut terlibat dalam pembukaan kampung ini?
 - vii. Semasa awal pembukaan, adakah terdapat cabaran yang perlu ditempuhi?
 - viii. Adakah terdapat sebarang kejadian yang tidak dapat dilupakan telah berlaku semasa proses awal pembukaan Kampung Bukit Tunggal ini?
 - ix. Apakah sumber pendapatan utama penduduk Kampung Bukit Tunggal pada masa dahulu?
 - x. Apakah agama yang diamalkan oleh penduduk awal

C. SOALAN KHUSUS

1. Sejarah pentadbiran di Kampung Bukit Tunggal

- i. Bagaimanakah corak pentadbiran awal di Kampung Bukit Tunggal ini?
- ii. Bagaimanakah corak pentadbiran terkini
- iii. Siapakah ketua kampung terbaru kampung ini?
- iv. Adakah jawatan untuk mentadbir kampung ini akan diberikan kepada keturunan/keluarga sahaja atau turut melantik orang lain?
- v. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit tentang pembangunan dan kemajuan semasa di kampung ini? (prasarana)
- vi. Adakah dengan kemajuan yang sedang berlaku di sini memberikan impak kepada sejarah Kampung Bukit Tunggal?

2. Aktiviti sosial / gaya hidup masyarakat di awal pembukaan

- i. Apakah keistimewaan atau tradisi yang dipraktikkan di Kampung Bukit Tunggal?
- ii. Adakah terdapat sebarang amalan yang sering digunakan di sini? (Dari segi adat resam perkahwinan atau pemakanan)

D. SOALAN TAMBAHAN

1. Kisah makam Tok Empang

- i. Apakah nama sebenar Tok Empang dan adakah beliau mempunyai nama samaran lain selain Tok Empang?
- ii. Mengapa beliau digelar Tok Empang?
- iii. Bilakah Tarikh beliau meninggal?
- iv. Dimanakah tempat jenazah Tok Empang disemadikan?
- v. Dimanakah tempat jenazah isteri Tok Empang disemadikan?
- vi. Boleh ceritakan mengenai kisah makam Tok Empang?
- vii. Adakah masih ada waris atau keturunan Tok Empang yang masih hidup?

d) DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
30/3/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman telah memberikan penerangan dan pendedahan kepada kami tentang sejarah lisan di dalam kelas bagi subjek IMR604. ▪ Tugas ini adalah berkaitan dengan sejarah asal usul Segamat. Tajuk yang kami dapat adalah sejarah Kampung Bukit Tunggal.
6/4/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pensyarah kami berkongsi pautan transkripsi rakaman temu bual sejarah lisan melalui aplikasi Whatsapp.
7/5/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pensyarah berkongsi pautan untuk diisi oleh setiap pasangan kumpulan. Antaranya adalah nama ahli kumpulan berserta nombor kad pelajar. ▪ Erni Amirah Binti Yahaya dan Nurul Hidayatul Aini Binti Khairul Anuar telah bersepakat untuk menjalankan kajian ini bersama-sama. ▪ Maklumat mengenai nama pengkisah yang dipilih oleh pensyarah untuk setiap kumpulan dikongsi di dalam aplikasi Whatsapp berserta maklumat lain seperti surat kepada pengkisah dan skrip pembukaan dan penutup.
11/5/2023	2:00 petang – 3:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman berkongsi tips penting semasa pertemuan pertama dengan pengkisah.

15/5/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Link diberi di dalam Whatsapp kumpulan kelas untuk menetapkan tarikh pertemuan pertama dengan pengkisah
16/5/2023	1:00 petang – 2:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kami menghubungi pengkisah iaitu Tok Baharom, bekas ketua Kampung Bukit Tunggul bagi menentukan tarikh pertemuan pertama ▪ Kami sebulat suara memilih tarikh untuk bertemu pada 25 may 2023 di rumah beliau sendiri di Kampung Bukit Tunggul. ▪ Beliau memberikan alamat rumah beliau bagi memudahkan kami untuk pergi ke sana.
25/5/2023	3:00 petang – 5:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Merupakan pertemuan pertama kami dengan pengkisah ▪ Kami dibawa ke tempat bersejarah iaitu pada mulanya kami dibawa ke makam Tok Empang. Tok Empang adalah orang yang membuka penempatan di Kampung Bukit Tunggul. ▪ Kemudian kami dibawa ke tempat sejarah kedua iaitu di Bukit Cerebon atau nama lainnya adalah bukit satu juga bukit tunggal. Bukit ini yang menjadi sejarah Bersama Tok Empang.
1/6/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Setiap kumpulan berkongsi pengalaman mereka bersama pengkisah pada pertemuan pertama di dalam kelas ▪ Memberi kemaskini kepada pensyarah masalah yang ada untuk pertemuan kedua bersama pengkisah.

11/6/2023	3:00 petang – 5:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menulis senarai soalan berkaitan sejarah Kampung Bukit Tunggal untuk ditanya semasa pertemuan kedua. ▪ Menghantarnya di dalam pautan yang disediakan oleh pensyarah. ▪ Soalan-soalannya adalah berkaitan latar belakang pengkisah, asal usul nama Kampung Bukit Tunggal., corak pentadbiran dan sejarah makam Tok Empang.
13/6/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membuat proposal mengenai sejarah Kampung Bukit Tunggal berdasarkan pertemuan pertama kami bersama pengkisah.
19/6/2023	9:00 malam – 10:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghantar proposal yang telah kami siapkan melalui platform U-Future. ▪ Menetapkan tarikh pertemuan kedua bersama pengkisah iaitu pada 7/7/2023 di Balairaya Kampung Bukit Tunggal.
21/6/2023	2:00 petang – 3:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyerahkan senarai soalan yang telah kami buat kepada pengkisah untuk mereka menyediakan soalan bagi pertemuan kedua.
7/7/2023	3:00 petang – 5:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Merupakan pertemuan kedua bersama Tok Baharom di Balairaya Kampung Bukit Tunggal. ▪ Pertemuan kedua adalah untuk sesi temubual bersama pengkisah. ▪ Menanyakan kepada pengkisah berkaitan soalan-soalan yang telah diberikan kepada beliau pada 21/6/2023. ▪ Soalannya adalah berkaitan sejarah Kampung Bukit Tunggal seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Temubual telah berlangsung selama 1 jam 4 minit.
10/7/2023	2:00 petang – 3:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembahagian kerja untuk penulisan transkrip dilakukan
13/7/2023	3:00 petang – 4:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Erni Amirah dan Nurul Hidayatul Aini berkerjasama menulis dan menyiapkan transkrip dan ulasan artikel.
18/7/2023	9:00 malam – 11:00 malam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Transkrip yang sudah lengkap, siap disemak dan digabungkan.
19/7/2023	10:00 pagi – 12:00 tengahari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Salinan transkrip lengkap dihantar melalui platform U-Future

e) GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



Figure 1: Pertemuan pertama bersama pengkisah



Figure 2: Pertemuan pertama bersama pengkisah



Figure 3: Makam Tok Empang



Figure 4: Bergambar bersama pengkisah di sebelah makam Tok Empang



Figure 5: Kampung Paya Mengkuang



Figure 6: Tempat pembukaan awal Jementah (Bukit Satu)



Figure 7: Jalan awal Jementah di Bukit Tunggai



Figure 8: Kampung Tok Empang Bersanggang



Figure 9: Kawasan padi pertama



Figure 10: Pertemuan kedua bersama Tok Baharum (bekas ketua kampung)